

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965**

Di antara

**SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD (49572-H)
Pemegang Gadaian**

Dan

**RAMLE BIN MUDA (591125-11-5125)
Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Marang yang diperbuat pada 04 Mei 2026 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Marang

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

HARI: RABU

TARIKH: 24/06/2026

JAM: 10:00 PAGI

PEJABAT: PEJABAT TANAH MARANG

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://etanah.terengganu.gov.my>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 00007489
No. Lot/PT	Lot 61133
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Rusila
Keluasan Tanah	7016.00000 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM562.00
Kategori	Industri
Syarat Nyata	i. Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang padi dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja. ii. Dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh penukaran syarat ini diluluskan atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Marang hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang padi dan mendirikan bangunan yang berkaitan

Sekatan Kepentingan	dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
Kawasan Rizab	TIADA
Nama Penggadai	Rizab Melayu
Bebanan	RAMLE BIN MUDA (591125-11-5125) Digadaikan kepada SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD mengikut No. Perserahan 06SC927/2020. Didaftarkan pada 15 Mac 2020
Lokasi Tanah	Hartanah ini terletak di alamat LOT 61133, JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT KOR, RHU RENDANG 21600 MARANG, TERENGGANU

HARGA RIZAB: RM 6,500,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Juta Lima Ratus Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rezab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah dalam perintah (Borang 16H) ATAU Perisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar / menyerahkan Deposit sebanyak 10% daripada Harga Rezab iaitu selewat-lewatnya 9:30 pagi sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Depositnya (3) hendaklah dalam bentuk BANK DRAF (SAHAJA) kepada PEMEGANG GADAIAN dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan disebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar / menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit (10%) peratus daripada harga pembelian / tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf / wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jualbeli dengan penyaksian.
7. Baki harga tawaran / pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mula Tarikh perjanjian jualbeli dibuat iaitu tidak lebih dari 21 Oktober 2026. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah Melanggar Perjanjian Jualbeli dan wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan / diagihkan mengikut Seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.
8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar

daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan
jualan hendaklah ditanggung oleh Pembeli.



Bertarikh pada 04 Mei 2026

**b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Marang
Negeri Terengganu Darul Iman**